

05/03/1998

Alwi akur rasmi tarik diri

KOTA BHARU, Rabu - Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Luar Bandar, Alwi Che Mat, hari ini, secara rasmi mengumumkan menarik diri daripada bertanding merebut jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat pada pemilihan bahagian itu, bermula minggu depan.

Keputusan itu juga diambil sebagai mematuhi arahan Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sebelum ini memutuskan jawatan itu diserahkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Dengan keputusan itu, ia memberi laluan kepada Zainal Abidin yang dijangka menang tanpa bertanding bagi jawatan berkenaan pada pemilihan peringkat bahagian, akhir bulan ini.

Alwi berkata, sebagai ahli Umno, perkara paling penting ialah menjaga keutuhan parti dan mematuhi arahan pucuk pimpinan.

(END)